

PENGGOMPUTERAN PUSTAKA PERINGATAN KUALA LUMPUR

Di dalam usaha mempertingkatkan kecekapan pentadbiran serta perkhidmatannya, Pustaka Peringatan Kuala Lumpur telah memulakan projek pengkomputerannya pada pertengahan tahun 1991.

Bagi mencapai matlamat tersebut Sistem DYNIX yang berasal dari Australia, telah dibeli. Sistem ini telah dipilih bukan sahaja kerana ianya telah tersedia dilengkapi dengan perisian khusus untuk perpustakaan, tetapi juga kerana kos pembeliannya yang dianggap agak rendah. Komputer ini mempunyai CPU sebanyak 160 megabyte dan mampu menanggung lebih kurang 250,000 judul. Disamping itu, ianya juga boleh dipertingkatkan dengan menggunakan perisian yang sama.

Fasa pertama projek pengkomputeran dimulakan pada bulan Jun 1991 dengan modul Katalog. Bagi menjayakan pemasangan modul ini, semua maklumat mengenai ahli-ahli Persatuan serta koleksi Pustaka, dikemaskini dan dimasukkan ke dalam komputer. Data-data mengenai koleksi Dewasa serta keratan suratkhbar yang telah ada sejak tahun 1989 lagi dipindahkan ke dalam komputer daripada kad katalog secara 'retrospectiv conversion' oleh kakitangan Pustaka sendiri. Pada

masayang sama, pendaftaran ahli-ahli baru Persatuan serta proses merekod bahan-bahan perolehan baru Pustaka dibuat terus ke dalam komputer. Bagi melicinkan 'implementasi' fasa kedua, iaitu pemasangan modul Sirkulasi dan OPAC, Disamping itu, label-label kod bar juga diampalkan kepada kad-kad ahli serta bahan-bahan koleksi Pustaka.


Sehingga kini, data-data bagi sejumlah 20,309 judul buku-buku Dewasa, 8,776 keratan suratkhbar serta 6,949 orang ahli-ahli Persatuan Perpustakaan Kuala Lumpur telah di masuk ke dalam komputer.

Pengkomputeran prosedur-prosedur bahagian Sirkulasi, termasuk peminjaman, pemulangan

serta tempahan buku-buku, denda-denda serta pencarian maklumat, dibuka kepada ahli secara percubaan mulai 26 November 1991 dan sepenuhnya pada 1 Januari 1992. Bagi tujuan ini 2 terminal telah dipasang di kaunter Dewasa; satu untuk kegunaan kakitangan kaunter dan satu lagi sebagai OPAC untuk memudahkan ahli-ahli sendiri membuat pencarian maklumat yang lebih pantas dan lebih berkesan. Dengan pengkomputeran bahagian Sirkulasi, ahli-ahli Pustaka tidak perlu lagi membawa banyak-banyak poket pinjaman. Memadailah dengan menunjukkan kad ahli yang telah dikemaskini dan dipasang label kod bar.

Pengkomputeran bahagian Kanak-Kanak masih lagi didalam peringkat prosesan dan dijangka

Sambungan ke Mukasurat 2



Dari Meja Pengarang

ASSALAMULAIKUM...

Bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dipanjangkan umur hingga kita dapat bertemu kali ini. Pun begitu ucapan jutaan terima kasih kepada pihak yang telah berusaha untuk menjayakan keluaran majalah Berita Pustaka ini. Kemunculan majalah ini merupakan satu detik yang penting dalam perkembangan aktiviti dan pengurusan Pustaka ini kerana dengan adanya majalah seumpama ini, adalah diharapkan agar satu sistem penerangan dan perhubungan di antara pengguna dengan Pustaka akan terjalin. Majalah ini selain daripada merekodkan kegiatan-kegiatan Pustaka, juga turut mengandungi maklumat-maklumat kepada pengguna tentang apa yang berlaku sepanjang tahun dan pada masa-

masa yang akan datang. Sidang Pengarang akan cuba memastikan segala berita aktiviti, peristiwa dan pencapaian Pustaka akan dimuatkan di dalam Majalah ini. Kehadirannya akan dapat menyingkap semula detik-detik pahit dan manis serta dapat mengingatkan peristiwa gembira atas kejayaan yang membanggakan dan kemajuan-kemajuan lain yang ketara. Saya juga berasa bangga kerana Majalah kali ini dapat melapurkan kejayaan Pustaka mengkomputerkan segala sistem pentadbiran dan perkhidmatannya walaupun baru berusia 3 tahun. Mudah-mudahan Pustaka akan terus berkembang dan membesar tanpa dicacai oleh perkara-perkara yang tidak diinginkan. Insyallah.

*Hajah Alimah Salam
Selamat Maju Jaya.*

INTISARI

- 1** Pengkomputeran Pustaka Peringatan Kuala Lumpur
- 3** Koleksi Khas Kuala Lumpur
- 4** Lembaga Pengurusan PPKL
- 5** Ulasan Buku
- 5** Artikel Khas :
Mengapa Anda Membaca
- 5** Cadangan Projek Bangunan Tambahan.
- 6** Aktiviti Pustaka
- 8** Dari Ahli
- 9** Wargakota Suka Berkhayal
- 9** Bengkel Teater Untuk Kanak-kanak

Sidang Pengarang

Penasihat: Puan Rohani Rustam,
Puan Ainun Md. Hashim

Ketua Editor: Hajah Alimah Salam
Editor: Normala Hj. Harun, Thuraiya Mohd Zaiyad

Jurufoto: Hanafi Mohd. Yusof
Noor Azmeera Abd. Rahman

Rekabentuk: Reach & Rich Comm. Sdn. Bhd.

Berita Pustaka,

Pustaka Peringatan, Kuala Lumpur, 92, Jalan Raja, 50050 Kuala Lumpur.

TEL: 2932908 / 2924780


Dari Mukasurat 1

akan beroperasi sepenuhnya akhir tahun 1992 ini. Buat masa ini, sebanyak 5,783 judul kanak-kanak telah pun dikatalogkan ke dalam komputer dan proses ini masih lagi diteruskan.

Pada bulan Mac 1992, Bahagian Perolehan pula dikomputerkan. Dengan pemasangan modul ini, perolehan bahan-bahan dapat dikawal dan dikesan dengan mudah dan proses tuntutan bahan yang tidak dibekalkan dapat dibuat secara automatik.

Dalam fasa yang akan datang, PPKL bercadang mempertingkatkan kemampuan komputer (CPU) serta menambah sebanyak 4 buah terminal lagi bagi menampung jumlah yang ada, terutama bagi kegunaan OPAC dan bahagian Kanak-Kanak. Adalah diharap dengan pemasangan sistem komputer ini, segala fungsi-fungsi Pustaka akan berjalan dengan lebih cekap, pantas dan lebih konsisten.

*Faizah Abd. Aziz dan Normala
Hj. Harun*



KOLEKSI KUALA LUMPUR DASAR DAN HARAPAN

Pendahuluan

Pada umumnya, Pustaka Peringatan Kuala Lumpur ditubuhkan sebagai sebuah perpustakaan awam untuk warga kota atau yang tinggal di persekitaran Kuala Lumpur dimana di dalam Pustaka bahan bercetak adalah terdiri daripada buku-buku, terbitan bersiri, risalah dan sebagainya. Bahan-bahan bukan bercetak adalah bahan-bahan berbentuk pandang-dengar.

Pustaka ini juga berperanan sebagai arkib mewarisi dan menyimpan khazanah-khazanah warisan tamadun dan kebudayaan khasnya yang berkaitan dengan Kuala Lumpur. Dengan itu Pustaka Peringatan Kuala Lumpur cuba mencari penyelesaian mengenai wujudnya bahan-bahan yang terbiar dan berselerak di merata tempat penyimpanan tanpa digunakan dengan sepenuhnya, terutama pada orang-orang perseorangan di Kuala Lumpur khususnya dan di negara ini amnya. Memandangkan pentingnya warisan generasi yang ber-

kesinambungan maka Pustaka Peringatan Kuala Lumpur bersesuaian dengan perlembagaan Persatuan Peringatan Kuala Lumpur iaitu Fasal 3(c) menyediakan satu koleksi khas dan perkhidmatan rujukan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan ekonomi, kewangan, perdagangan dan perindustrian selaras dengan peranan Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbiran, politik dan perdagangan. Fasal 3(e) mendapatkan dan mempamerkan barang-barang, benda-benda dan artefak yang berkaitan dengan sejarah, pembangunan dan pentadbiran Kuala Lumpur adalah sewajarnya ditubuhkan didalam Pustaka Peringatan Kuala Lumpur koleksi khusus iaitu 'KOLEKSI KUALA LUMPUR'.

Koleksi Kuala Lumpur

Koleksi Kuala Lumpur merupakan satu kumpulan bahan-bahan Pustaka yang meliputi semua bahan-bahan tanpa mengira bentuk, tempoh dan

bahasa yang diterbitkan mengenai Kuala Lumpur, dimana koleksi Kuala Lumpur ini akan menjadi tempat pengumpulan bahan-bahan tersebut. Untuk menjadikan koleksi Kuala Lumpur lebih bermakna, maka bahagian ini akan dijadikan bahagian yang berfungsi dengan sepenuhnya bersesuaian dengan keperluan dan kepentingan terutama kepada pengkaji/penyelidik yang memerlukan maklumat mengenai Kuala Lumpur secara terperinci.

Objektif

Adalah menjadi hasrat bahagian koleksi Kuala Lumpur ini membawa DUA objektif penting sebagai dasar untuk menuju ke arah masa depannya. DUA objektif itu ialah :-

a) Objektif Jangka Pendek

Objektif ini ialah memberi satu koleksi lengkap dalam segala aspek mengenai Kuala Lumpur dan masyarakatnya yang dapat menggambarkan 'warisan' yang perlu dipelihara bagi tujuan rujukan dan penyelidikan.

b) Objektif Jangka Panjang

Objektif ini ialah untuk mengumpulkan semua warisan yang berharga yang terdapat diseluruh Kuala Lumpur dan persekitarannya. Ini bertujuan untuk menyingkap kembali sejarah silam Kuala Lumpur baik darisegi pentadbiran, sejarah, pembangunan dan perancangannya sehingga tahun 2000. Bagi

p e n g u m u m a n

Mesyuarat Agung Ketiga Persatuan Perpustakaan Kuala Lumpur akan diadakan pada tarikh dan tempat seperti berikut :-

TARIKH : 23 Jun 1992 (Selasa)

MASA : 10.00 Pagi

TEMPAT : Tingkat 30, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut,
50350, Kuala Lumpur.

**Ahli Lembaga Pengurusan
Persatuan Perpustakaan
Kuala Lumpur 1992/1993**

Presiden :

Tan Sri Dato' Elyas Omar

Tim. Presiden :

Dato' Haji Noordin b.
Hj. Abdul Razak

Pengerusi :

Dato' Haji Matshah Safuan

Naib Pengerusi :

Datin Rugayah Bt. Abd
Rashid

Setiausaha :

Encik Izman b. Haji Ismail

Bendahari :

Puan Y. M. Lim (Foo Yoi Min)

Ahli :

Puan Ainun bt. Md. Hashim
Tuan Haji Nasarudin b. Saidin
Puan Rohani Rustam
Puan Saimeem Hanoum
Dadameah
Encik Tan Keat Onve @ Tan Ah
Puan Zawiyah Baba

Pustakawan :

Hajah Alimah Salam

Pemegang Amanah

Y. A. M. Tengku Puteri Lela
Wangsa Tengku Tan Sri Hajah
Meriam bte Sultan Haji
Ahmad Shah

Y. B. Tuan Haji Hajeedar bin
Haji Abd. Majid

Y. B. Dato' Teagarajan a/l
V.K. Kalyana Sundram

mencapai matlamat ini, usaha pengumpulan dibuat dengan kerjasama pihak Jabatan Muzium Negara dimana Pustaka memainkan peranan di dalam menyediakan bahan-bahan manakala dipihak Muzium pula menjalankan penyelidikan.

Langkah yang penting bagi mengembangkan koleksi Kuala Lumpur secara jangka panjang adalah :-

- Mengumpulkan semua bahan bertulis dalam apa sahaja bentuk dan bahasa yang sudah terhasil mengenai Kuala Lumpur.
- Memberi perhatian yang rapi serta mengikut segala kajian selidik yang telah sudah, sedang dan akan di laksanakan agar pembentukan pengetahuan mengenai Kuala Lumpur dapat dipertingkatkan.

Adalah menjadi kenyataan semua koleksi tersebut nanti akan menjadi penting bagi memahami segala bidang mengenai Kuala Lumpur. Pengetahuan ini akan berguna bukan sahaja dari segi akademik bahkan dari segi implikasi polisinya.

Jenis Bahan-bahan yang dikumpulkan untuk koleksi Kuala Lumpur

Bahan-bahan yang terdapat di dalam koleksi Kuala Lumpur ialah :-

- Buku
- Terbitan Berkala
- Bahan-bahan Arkib dan Manuskrip
- Dokumen
- Tesis/Latihan Ilmiah
- Keratan Akhbar
- Bahan Bergambar
- Peta

- Bahan pandang-dengar
- Laporan Jabatan Kerajaan
- Laporan Badan-badan Berkanun & Firma-firma Swasta
- Koleksi Datuk Bandar

Harapan Koleksi Kuala Lumpur

Memandangkan betapa pentingnya bahan-bahan koleksinya pada semua generasi, usaha memperolehinya perlu dilakukan untuk pemeliharaan. Untuk ini usaha-usaha awal telah dijalankan dengan menghubungi pihak tertentu. Pihak Pustaka sentiasa mengalu-alukan masyarakat Kuala Lumpur untuk menyumbangkan bahan-bahan atau maklumat penting mengenai Kuala Lumpur.

**THURAIYA HAJI MOHD. ZAIYAD/
AHMAD JUNAIDI TAJUDIN**

Bahagian Rujukan/Pameran Kuala Lumpur

Cadangan Projek Bangunan Tambahan Pustaka

Sejak tahun 1989, Pustaka Peringatan telah berkembang terlalu pesat sekali sehingga bangunan yang ada sekarang tidak mampu lagi menampung pertumbuhan urusan perkhidmatan disamping menjadi ibu pejabat Persatuan Perpustakaan Kuala Lumpur. Oleh itu, satu bangunan tambahan sedang dirancang di tapak tanah bersebelahan dengan tempat letak kereta Pustaka.

Bangunan baru 3 tingkat yang dirancang ini akan menyediakan ruang yang cukup luas bagi menempatkan ibu pejabat pentadbiran, ruang perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan serta unit pemerosesan koleksi perpustakaan.

Beberapa ruang/bahagian baru yang tidak terdapat di bangunan sekarang akan disediakan juga. Diantaranya ialah:

- 1) dewan pameran buku dan pameran semasa di ruang masuk ke dewan perpustakaan.
- 2) bilik-bilik berasingan untuk koleksi Rujukan Am dan koleksi khas Ekonomi.

- 3) bahagian alat pandang-dengar beserta makmal bahasa.
- 4) bilik aktiviti dewasa dan kanak-kanak yang berasingan.
- 5) makmal komputer bagi ahli-ahli Kelab Komputer.
- 6) auditorium / dewan serbaguna untuk ceramah, tayangan gambar, pertunjukan pentas dan lain-lain lagi yang menggunakan pintu masuk berasingan supaya tidak mengganggu perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan.
- 7) bilik menunggu bagi ibubapa, rakan atau penjaga yang bukan ahli dan tidak boleh masuk ke bahagian-bahagian lain perpustakaan.
- 8) ruang masuk yang luas dan lengkap dengan tempat menyimpan barang-barang yang lebih selamat.
- 9) kaletaria.
- 10) Tempat letak kereta.

Mudah-mudahan bangunan tambahan ini akan membolehkan Pustaka Peringatan Kuala Lumpur menyediakan perkhidmatan-perkhidmatannya dengan lebih sistematik, cekap dan di dalam suasana yang selesa.

MENGAPA ANDA MEMBACA?

Tentu banyak dan berbeza-beza jawapan anda. Mungkin anda perlukan maklumat spesifik, mungkin anda ingin tahu isi kandungan buku cerita, mungkin anda cuma mahu mengisi lapang atau saja seronok-seronok membaca sahaja, dan mungkin anda ingin menjadi lebih peka terhadap keadaan semasa atau sekadar ingin menambah pengetahuan am yang ada. Walau apapun jawapan yang pasti paling utama bagi para pelajar ialah "membaca untuk lulus periksa". Semua jawapan anda betul. Memang di dalam konteks pendidikan, pembacaan dilihat dari pandangan yang begitu sempit; baik pelajar, guru mahupun ibubapa beranggapan para pelajar harus membaca untuk lulus periksa saja.

Sambungan ke Mukasurat 8

ULASAN BUKU


Judul Buku: *Gejala Rawatan Dan Pencegahan Penyakit Jantung*
Pengarang: Sidek Nontak
Penerbit: Utusan Publications, 1992
Tebal: 104 Mukasurat
Pengulas: Normala Hj. Harun
Harga: \$12.50 sen

Penyakit kardiovaskular atau penyakit jantung kini merupakan satu fenomena yang mengerikan. Ia meragut beribu-ribu nyawa setiap ketika dan merupakan punca utama kematian di kebanyakan negara di dunia, termasuk negara kita. Tidak ada peringkat umur yang terlepas daripada 'epidemik' ini, tetapi penduduk berumur di antara 35 hingga 55 tahun me-

rupakan mangsanya yang terbanyak. Kehilangan penduduk dalam kategori ini merupakan kehilangan yang amat besar kerana pada peringkat umur ini, mereka berada dipuncak produktiviti masing-masing dan seharusnya dapat menyumbangkan tenaga dan fikiran pada tahap maksima terhadap pembangunan negara dan kehilangan mereka bersama kepakaran masing-masing memang sukar dicari ganti. Melalui buku ini, Dr. Sidek Nontak telah cuba memaparkan gejala-gejala yang memungkinkan penyakit jantung terjadi, dan memberikan garis panduan yang praktikal bagi menghindari, merawat serta mengawal penyakit ini.

Diantara perkara yang dibincangkan didalam buku ini termasuklah mengenai fungsi dan sistem peredaran darah

yang sihat, ujian dan cara-cara mendiagnosa keadaan jantung dengan tepat, faktor-faktor dan risiko-risiko yang menyebabkan penyakit jantung serta bagaimana kita harus mengubah cara hidup dan pemakanan agar dapat memperbaiki keadaan jantung.





AKTIVITI PUSTAKA

Sejak penubuhannya pada 29 Mac 1989, Pustaka Peringatan Kuala Lumpur telah menjalankan berbagai-bagai aktiviti Dewasa, Belia dan Kanak-Kanak yang bertujuan menarik minat wargakota ke perpustakaan. Aktiviti-aktiviti yang diadakan seperti ceramah, bengkel dan seminar, pengkisahan sejarah, pameran semasa, persembahan boneka dan teater kanak-kanak, sesi lukisan dan kraftangan, permainan pendidikan dan lain-lain lagi, bukan sahaja terhad di dalam kawasan PPKL tetapi dibuat juga dilain tempat di luar Pustaka mengikut keperluan, supaya lebih ramai wargakota yang sedar tentang kewujudan Pustaka Peringatan Kuala Lumpur dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan. Gambar-gambar ini merakamkan sebahagian dariapda aktiviti-aktiviti yang berjaya dijalankan :-

1 Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Y. B. Dato Sabaruddin Chik, merasmikan Pertandingan Catur Persahabatan sempena Perayaan 100 Tahun Kuala Lumpur sebagai Penguasa Tempatan (22 September 1990).

2 Siri Pengkisahan Sejarah I : Perkembangan Kuala Lumpur selepas Perang Dunia Kedua (19.6.1990).
- Ahli panel, yang dipengerusikan oleh Y.B. Tan Sri Dato (Dr.) Arshad Ayub, meninjau "limousine" awal Kuala Lumpur.





5

- 3 Mesyuarat Agong Kedua Persatuan Perpustakaan Kuala Lumpur pada 17 Julai 1991.

- 4 Penyelia Seminar Teater Untuk Kanak-Kanak, Volker Quandt, bersama sebahagian daripada peserta-peserta (13 - 16.2.92).


- 5 Bengkel Keusahawanan Wanita pada 4.8.1991 telah mendapat sambutan di luar dugaan sehingga ramai pemohon yang terpaksa ditolak.

- 6 Pelawat-pelawat luar negara diberi penerangan tentang teknik prosesan buku.

- 7 Bekerjasama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengadakan pameran sempena Hari Q pada 25 hingga 29 Februari 1992.

- 8 Peserta Bengkel Kemahiran Belajar anjuran bersama PPKL dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan sedang tekun mendengar taklimat.


- 9 Bakal pelukis negara memperagakan "masterpiece" masing-masing selepas sesi "Melukis Dengan Abang Zam".




6




7



8



9



Gejala ini menular kepada segala lapisan masyarakat termasuk juga pelajar-pelajar, baik diperingkat sekolah mahupun di pusat-pusat pangajian tinggi. Pembacaan dihadkan kepada senarai teks serta bahan-bahan yang dicadangkan guru-guru dan pensyarah sahaja. Mereka boleh membaca tetapi tidak berminat membaca bahan-bahan lain sebagai tambahan atau sokongan kepada maklumat yang sedia ada didalam teks yang dicadangkan.

Apalagi membaca untuk pengetahuan atau untuk keseronokan membaca semata-mata jauh sekali!. Padahal bahan bacaan yang terdapat telah menjadi berlipat ganda banyaknya dan mudah pula didapati. Alasan yang sering diberikan ialah kesuntukan masa. Yang peliknya, mereka-mereka ini, ada masa pula untuk membaca majalah hiburan, komik dan suratkhbar, ada masa untuk menonton T.V. dan tayangan video, menghadiri konsert Search, Wings, Ella, dan lain-lain dan ada masa juga untuk berpelesenan di kompleks membeli-belah.

Sebenarnya membaca banyak rahsia dan hikmatnya tetapi kita perlu mahir membaca untuk betul-betul menghayati dan menikmatinya. Untuk mahir membaca, kita perlu tahu tujuan membaca serta memilih bahan, teknik dan strategi bacaan yang paling sesuai, agar ia menjadi paling berkesan dan kita mendapat kepuasan dan faedah yang paling maksima.

Maka bagi yang perlukan maklumat spesifik sesuatu topik, pembacaannya perlulah penuh teliti dan konsentrasi.

Mungkin perlu dibaca secara mendalam dan diulang-ulang agar fakta-fakta yang diperlukan jelas difahami. Bagi yang perlukan maklumat ringan, cukuplah dengan membaca sepintas lalu tanpa menghirau nahu atau susunan ayat-ayat yang dibaca. Bagi menghayati keagungan dan keseronokan kesusasteraan pula, ayat-ayat, nahu serta adunan bahasa perlu diteliti dan jika perlu, pembacaan juga perlu diperdengarkan misalnya, dalam menghayati puisi, pembacaannya perlu dikuatkan dan dengan penuh perasaan agar kekhusyukkannya

dirasai bersama. Lihat pula aspek lain kehidupan seharian kita. Kita baca suratkhbar untuk dapatkan berita semasa, laporan sukan dan laporan cuaca, program radio dan T.V., kita baca surat dan bil-bil yang posmen bawa, kita baca menu dan tanda harga barangan agar tidak tertipu, kita baca nombor bas mini serta tanda-tanda jalan agar tidak sesat. Malah untuk menggunakan komputer, kita baca juga maklumat yang tertera di skrinnya. Kemana saja kita berpaling, kita dihadapi dengan maklumat-maklumat yang perlu dibaca.

Kita belajar daripada contoh, iaitu dari apa yang kita dengar, lihat, baca dan alami. Lebih banyak yang kita dengar, lihat, baca dan alami, lebih banyak dan meluaslah contoh-contoh yang dapat kita jadikan tauladan dan panduan. Cuma, dari fakta-fakta di atas, melalui bacaan saja kita dapat mengulangi contoh-contoh yang pernah berulang kali tanpa mengubah fakta-faktanya. Insiden-insiden yang tidak dapat dibaca semula kerana tidak direkod biasanya akan berubah-ubah zatnya menjadi "sedap-mulut" orang yang menceritakannya semula.

Ramai orang menganggap membaca sebagai pengalaman "second-hand" atau pengalaman kedua kerana melalui bacaan kita dapat berkongsi pengalaman dengan penulis. Menerusi bacaan kita dapat menyelami dan menghayati perasaan dan emosi penulis, bersama-sama melalui situasi-situasi yang mungkin tidak dapat kita rasai sendiri. Kita dapat memahami mengapa sesuatu situasi terjadi atau mengapa sesuatu golongan masyarakat berkelakuan sedemikian.

Membaca adalah diantara sumber hiburan dan maklumat yang paling murah. Nazel Hashim Mohd, Khairudin Ayip, Enid Blyton dan lain-lain lagi seperti mereka boleh membawa kita kembali ke zaman kanak-kanak di mana tiada masalah dunia menghantui kita, Danielle Steel mengkhayalkan dengan alam cintanya sementara Poe, Hitchcock, Spillane, Agatha Christie mampu membuat kita seram, cemas, bimbang, terharu, suspen dengan tulisan-tulisan misteri dan penyiasatan mereka. Melalui muka-muka surat buku-buku panduan pengembaraan (travel books) pula kita mampu

terbang ke Hollywood, Kutub Utara dan Selatan, ke Iran, Bali dan ke mana sahaja. Biografi mengenalkan kita kepada tokoh-tokoh terkemuka dan mengajak kita bersimpati dan faham peribadi serta tindakan-tindakan mereka. Buku-buku masak menyuruh kita mencuba resipi-resipi dunia sementara buku-buku sains, ilmu perubatan, pengurusan dan lain-lain lagi menjadikan kita lebih peka terhadap peredaran masa serta menjadikan kita lebih berpengetahuan dan berfikiran matang.

Negara kita sedang membanjir dengan pesat sekali dan didalam zaman yang serba canggih dan penuh cabaran ini, semestinya kita memerlukan tenaga-tenaga muda yang berilmu, berpengetahuan luas dan berfikiran matang. Seiring dengan pembangunan ini, kita dihadapkan pula oleh ledakan maklumat / pengetahuan-pengetahuan baru yang harus diserap sebanyak mungkin agar dapat bersaing dengan negara-negara maju lain.

Itulah sebabnya mengapa pemimpin kita melaung-laungkan agar dibentuk masyarakat yang berkebudayaan dan berilmu pengetahuan supaya kita tidak ketinggalan.

Malangnya harapan pemimpin kita masih tinggal harapan kerana masyarakat kita hingga kini masih lagi dihadapi penyakit malas membaca, tidak gemar membaca dan membaca bila betul-betul perlu sahaja.

Membaca ini tidak memerlukan banyak belanja. Cuma minat dan usaha kerana bahan-bahan bacaan berlambak di merata-rata tempat - perpustakaan awam, perpustakaan sekolah dan institusi pengajian tinggi, bilik-bilik bacaan.

Semuanya terletak di atas diri anda sendiri - tidak perlu dipaksa atau didera. Pembaca yang mahir ialah seorang yang merasakan dirinya perlu membaca dan ingin membaca, dengan rela membuat keputusan menentukan jenis buku yang hendak dibaca, berusaha mendapatkannya, membaca secara aktif sambil menghayati apa yang dibaca dan menganggap membaca sebagai satu proses yang memberi kepuasan dan keseronokan.

**Normala Hj. Harun
Bahagian Pentadbiran.**

Wargakota SUKA BERKHAYAL

Susah nak percayakan? Tapi ini adalah kenyataan.

Disebalik kehidupan yang serba maju, mencabar dan canggih ditengah-tengah kotaraya ini, wargakota masih ramai yang suka melayan perasaan; suka membawa diri ke alam khayalan, jauh daripada kesesakan lalu lintas yang membosankan, jauh daripada tekanan-tekanan mental dan emosi baik di tempat kerja maupun di mana saja.

Kenyataan ini bukanlah pendapat peribadi tetapi terbukti daripada statistik pinjaman Dewasa sepanjang bulan Januari hingga Oktober 1991. Daripada sejumlah 32,100 naskah buku yang telah dipinjamkan, 27% merupakan buku fiksi. Peminjamnya bukan saja terdiri daripada kaum wanita yang memang pun kebanyakannya suka berkhayal, tetapi meliputi juga



kaum lelaki dan belia daripada bermacam-macam latar belakang - ahli perniagaan dan para profesional, kakitangan kerajaan, pelajar, pekerja swasta dan lain-lain lagi.

Kepopularan buku-buku fiksi diikuti pula oleh buku-buku dalam bidang perkara teknologi atau sainsgunaan. Ini termasuk-

lah buku-buku sains perubatan, kejuruteraan, buku-buku masakan, ekonomi rumahtangga dan kehidupan kekeluargaan, pengurusan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Peminjaman bagi buku-buku ini merupakan 23% daripada jumlah sepenuhnya.

Buku-buku berkaitan sains kemasarakatan yang dipinjam pula berjumlah 4,022 naskah atau 12%.

Kebanyakan peminjamnya terdiri daripada pelajar institusi pengajian tinggi dan maktab-maktab swasta di persekitaran Kuala Lumpur. Buku yang dipinjam termasuklah buku-buku undang-undang, sains politik, ekonomi, pentadbiran awam, pendidikan, perhubungan dan perdagangan serta sains sosial dan perkara berkaitan. Terdapat juga penyelidik-penyelidik luar yang merujuk ke Pustaka untuk mendapatkan bahan-bahan kajian mengenai kebudayaan masyarakat kita.

Sambungan ke Mukasurat 10

Bengkel Teater UNTUK KANAK-KANAK

Sebagai salah satu aktiviti Pustaka Peringatan Kuala Lumpur, pihak PPKL telah mengadakan satu Bengkel Teater Untuk Kanak-Kanak pada 13 Februari 1992 hingga 15 Februari 1992 bertempat di Tingkat 1, Pustaka Peringatan Kuala Lumpur.

Seminar ini merupakan salah satu aktiviti PPKL dengan kerjasama Goethe Institute Kuala Lumpur yang bertajuk "Theatre for Children". Seminar ini dikendalikan oleh Encik Voker Quandt dari Children and Youth Theatre of the Landestheater Tubingen, Jerman. Seminar yang diadakan dalam bahasa Inggeris ini meliputi topik seperti berikut :-

- Working methods and processes
- Dramaturgical analysis
- Technique of improvisation
- From the children's book to the children's play
- Reality and phantasy



Sambungan ke Mukasurat 10

Seterusnya, buku-buku seni bina, seni hiasan dan lukisan, seni hiburan dan sukan merangkumi 11% jumlah pinjaman dewasa tahun lepas. Kehadiran maktab-maktab dan institusi pengajian tinggi swasta yang menawarkan kursus dalam bidang yang berkaitan mungkin menjadi satu sebab mengapa bidang perkara ini popular. Kebanyakan kolej swasta ini tidak mempunyai perkhidmatan perpustakaan yang lengkap dan akibatnya ramai pelajar mendaftar di PPKL.

Lain-lain bidang perkara tidak kurang juga yang menarik tetapi mungkin kerana kekurangan publisiti, kadar peminjamnya agak

rendah sedikit. Satu lagi sebab mengapa perkara-perkara ini kurang mendapat perhatian mungkin kerana pembaca kebanyakannya tiada masa ataupun minat. Lain pula halnya dengan buku-buku fiksiyen, kerana betapa sibuk sekalipun, kebanyakan pengguna Pustaka masih perlukan buku-buku fiksiyen yang dianggap bacaan ringan dan tidak membebankan fikiran.

Berikut adalah statistik bagi peminjaman dewasa sepanjang bulan Januari hingga Oktober 1991 :-

1. Karya Am, Sains Maklumat (000) - 686
2. Psikologi, Falsafah Kuno (100) - 1,800

3. Agama Islam dan Lain-lain (200) - 1,037
4. Sains Kemasyarakatan (300) - 4,022
5. Bahasa Inggeris dan Lain-lain (400) - 491
6. Sains Jati (500) - 1,098
7. Sains Gunaan / Teknologi (600) - 7,489
8. Seni bina, Hiasan, Hiburan Sukan dan Lain-lain (700) - 3,633
9. Kesusasteraan (800) - 855
10. Ilmu Alam, Sejarah, Biografi (900) - 2,464
11. Fiksiyen (F) - 8,525

Normala Hj. Harun
Bahagian Pentadbiran.

Bengkel Teater UNTUK KANAK-KANAK

Dari Mukasurat 9

- Mobility, conceptions of space
- Theatre pedagogy
- Theatre management, organization

Seminar ini berlangsung selama 3 hari dan hanya bermula dari jam 10.00 pagi hingga 4.30 petang. Seramai 25 orang peserta telah hadir dan mereka terdiri dari peminat-peminat teater di seluruh Malaysia. Semasa seminar ini berjalan Encik Quandt telah mengajar kami cara-cara untuk menarik minat kanak-kanak supaya meminati teater. Beliau mengajar cara penyampaian yang baik dari segi suara, memek muka dan pergerakan. Encik Quandt juga menunjukkan tayangan video mengenai pertunjukan teater kanak-kanak yang diadakan di negeri Jerman.

Beliau juga menerangkan bagaimana cara yang baik untuk mengadakan satu pertunjukan teater dari segi penyampaian cerita, 'props' yang menarik dan bagaimana cara agar kanak-kanak terlibat secara tidak langsung di dalam teater tersebut.

Encik Quandt juga menerangkan bagaimana cara kita bercerita menggunakan buku. Menurut beliau, bercerita melalui buku kita tidak perlu mengikut sepenuhnya apa yang ada didalam buku, tetapi kita harus tahu menggunakan dialog sendiri agar dapat menjadikan sesebuah cerita itu lebih menarik.

Sepanjang saya menghadiri seminar ini, banyak pengalaman yang telah saya perolehi tentang teater khususnya teater untuk kanak-kanak.

Saya berpendapat supaya dimasa-masa akan datang lebih banyak lagi bengkel seumpama ini diadakan agar dapat memperkembangkan lagi teater di tanahair kita, khususnya teater untuk kanak-kanak.

Salwati Abd. Rahim
Bahagian Pentadbiran.





DARI AHLI

"Apabila masuk ke Pustaka Peringatan Kuala Lumpur, saya berasa seolah-olah berada di perpustakaan luar negara - suasananya yang aman dan tenang, koleksi buku dan majalah yang bermutu dan pegawai-pegawai yang sentiasa sedia membantu. Walaubagaimanapun, saya ingin mencadangkan agar satu ruang khusus untuk kanak-kanak cacat disediakan agar kanak-kanak tersebut serta penjaga mereka dapat sama-sama menikmati kemudahan perpustakaan."


**Puan Rosma bt. Latiff
(D004-143)
Surirumah**

"Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kakitangan Pustaka yang telah berusaha menaikkan taraf perkhidmatan perpustakaan ini setanding dengan pustaka lain yang lebih tua darinya. Malahan, perkhidmatan berkomputer yang diperkenalkan baru-baru ini masih belum dapat ditandingi oleh perpustakaan lain di negara ini. Saya juga ingin memuji koleksi buku-buku catur yang saya anggap paling besar dan berkualiti dan sebagai peminat catur, saya, anak dan rakan-rakan kami telah banyak menikmati faedah koleksi ini. Terima kasih dari kami semua."

**Peter Chow (D003-267)
Pesara**

"Sila turunkan kadar bayaran untuk membuat salinan fotokopi, \$0.30 sen sekeping adalah sangat mahal terutamanya kepada para pelajar."

**John Cardosa (D001-120)
Pengusaha Restoran**



Tahukah anda?

Jalan Chow Kit atau CHOW KIT ROAD tidak asing pada wargakota. Disinilah tempat tumpuan wargakota untuk membeli belah lebih-lebih lagi bagi mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Di sini terdapat berbagai gedung perniagaan dan pasaraya dan yang penting sekali ialah pasar Chow Kit. Tahukan anda bagaimana Chow Kit Road mendapat namanya?.

Nama Chow Kit Road adalah sempena nama Loke Chow Kit iaitu seorang tokoh kaum Cina dan ahli perniagaan di Kuala Lumpur. Beliau dikaitkan dengan

penyewa-penyewa Cina Keretapi Selangor ketika landasan pertama yang menghubungkan Kuala Lumpur - Bukit Kuda di buka.

Loke Chow Kit mendapat pendidikan Inggeris di Penang Free School. Beliau telah bekerja dengan Syarikat Huttenbach and Co. ketika beliau mula-mula berpindah ke Kuala Lumpur. Kemudian beliau bekerja pula dengan Loke Yew tetapi beransur-ansur menjadi ahli perniagaan sendiri serta menubuhkan toko serbaneka yang masyhur dikenali sebagai Chow Kit and Co.

Toko ini menyediakan pelbagai keperluan untuk penduduk Ero-

pah di Kuala Lumpur. Beliau meninggal dunia dalam tahun 1918.

Jalan Chow Kit kini bukan sahaja terkenal dikalangan wargakota sahaja, bahkan orang luar dari Kuala Lumpur. Kalau berkunjung ke Kuala Lumpur, rasanya seolah-olah tidak sempurna jika tidak menjejakkan kaki ke Chow Kit Road. Keadaan di sini begitu sibuk sekali dengan orang ramai yang datang berkunjung untuk membeli belah tidak kira siang atau malam. Di sinilah juga ramai peniaga Melayu samada tempatan atau dari seberang, mencari rezeki.

PRIMAS – PETROL PRO-ALAM SEKITAR MALAYSIA



Komitmen kami terhadap alam yang lebih sempurna

Primas sebagai petrol tanpa plumbum Malaysia yang pertama adalah sumbangan kami untuk pemeliharaan alam sekitar kita bersama. Dengan menggunakan Primas anda juga dapat membantu memelihara kebersihan udara serta menjadikan alam sekitar sebagai tempat kediaman yang lebih baik.

Masa depan yang lebih bersih dan sihat dengan petrol pro alam sekitar Malaysia

Sebuah negara yang lebih bersih dan sihat bagi generasi rakyat Malaysia yang akan datang adalah menjadi harapan kita semua. Gunakan petrol tanpa plumbum daripada PETRONAS hari ini dan anda akan memulakan komitmen pertama untuk memelihara alam sekitar.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi
TALIAN PRIMAS kami:

800 3993
(TOL PERCUMA)



PETRONAS

